

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Restoran di Nilai Impian diarah tutup angkara tikus

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN

SEREMBAN – Gara-gara tular rakaman video berhubung kehadiran tikus di ruang penyediaan makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan mengarahkan sebuah restoran di Nilai Impian dekat Nilai ditutup selama 14 hari bermula semalam.

Restoran berkenaan diarah berbuat demikian selepas Jabatan Kesihatan negeri mendapat aduan daripada orang awam apabila satu rakaman video haiwan itu berkeliaran di tempat makanan disiarkan di *Kosmo! Online*.

Rakaman berdurasi kira-kira 16 saat dihantar oleh seorang pembaca akhbar ini kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Zainudin Mohd. Ali berkata, pihaknya bertindak menjalankan pemeriksaan di restoran terbabit pada pukul 11 pagi semalam sejurus menerima aduan mengenai isu itu.

"Satu siasatan dibuat segera pada pagi ini (semalam). Pemeriksaan di

premis di Nilai Impian tersebut mendapati terdapat kesan infestasi tikus serta lipas.

"Pemeriksaan lanjut juga menunjukkan keadaan kesesuaian serta tahap kebersihan premis tidak memuaskan," katanya dalam satu kenyataan kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, restoran berkenaan diarahkan tutup selama 14 hari bermula semalam di bawah Akta Makanan 1988 serta dikenakan kompaun RM300.

Dalam perkembangan berkaitan, Zainudin memaklumkan, sebanyak 1,968 premis makanan diperiksa di Seremban pada tahun ini.

Daripada jumlah itu, 85 premis diarahkan tutup dalam tempoh maksimum 14 hari mengikut Akta Makanan 1988.

"Jabatan Kesihatan negeri sentiasa melakukan pemeriksaan premis makanan dari semasa ke semasa dan usaha ini turut mendapat kerjasama pihak berkuasa tempatan," ujarnya.



NAJIS tikus ditemui di atas peti sejuk di sebuah restoran di Nilai Impian dekat Nilai.

KIRI: Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan mengambil tindakan segera selepas video mengenai kehadiran tikus di sebuah restoran di Nilai Impian, Nilai disiarkan melalui *Kosmo! Online*.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Pesakit katarak meningkat di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Bilangan penduduk Terengganu yang mengalami masalah kesihatan mata akibat katarak menunjukkan trend peningkatan sejak tiga tahun lalu.

Timbalan Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Saifur Rahman Mohammad berkata, sebanyak

4,607 penduduk negeri ini telah menjalani pembedahan katarak di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini sejak tahun 2014.

Beliau berkata, berdasarkan rekod, seramai 961 pesakit selamat menjalani pembedahan katarak di HSNZ pada tahun 2014,

1,065 (2015), 1,391 (2016) dan sehingga September ini pula seramai 1,190 pesakit telah dibedah.

"Antara penyebab utama masalah penglihatan terhad dan kebutaan selain disebabkan oleh katarak adalah diabetik retinopati, glaukoma dan ralat refraktif (rabun penglihatan yang

tidak dirawat)," katanya ketika ditemui selepas merasmikan sambutan Hari Penglihatan Sedunia peringkat negeri Terengganu di HSNZ di sini semalam.

Saifur Rahman berkata, berdasarkan Bancian Mata Kebangsaan pada tahun 2014, seramai 40,000 daripada 413,000 rakyat

negara ini berusia 50 tahun ke atas yang mengalami masalah katarak mata berasal dari Pantai Timur termasuk Terengganu.

Menurut beliau, dianggarkan 43,000 pesakit katarak mata yang terdapat di negara ini akhirnya menjadi buta kerana tidak mendapatkan rawatan di hospital.